

# Kami perlukan anda untuk mengendali antimikробial dengan cermat



## ANTIMIKROBIAL **UBAT YANG PENTING**

untuk mengawal dan merawat  
jangkitan pada kedua-dua  
manusia dan haiwan.



TETAPI IANYA SEMAKIN  
KEHILANGAN **EFIKASINYA**  
pada kadar yang semakin meningkat.

- Risiko agen penyebab-penyakit untuk membentuk rintangan terhadap antimikробial meningkat apabila ubat yang berharga ini digunakan dengan cara yang tidak wajar. Bila bakteria menjadi rintang, antimikробial menjadi tidak berkesan dan tidak boleh digunakan untuk merawat penyakit ini. Fenomena ini dipanggil rintangan antimikробial (AMR).
- AMR merupakan suatu ancaman kepada kesihatan dan kebajikan manusia dan haiwan, samada akuatik maupun daratan. Walau bagaimanapun, pembentukan antimikробial baharu tidak dapat mengejar kepantasannya peningkatan rintangan.
- Mengekalkan kebolehdapatan dan efikasi kelas antimikробial sedia ada secara berterusan adalah sangat penting. Pengendalian ubat berharga ini secara bertanggungjawab dan berhemah berpandukan Piawaian Antarabangsa OIE akan dapat membantu mengekalkan efikasi dan kebolehdapatannya demi kesihatan manusia dan haiwan.

## KAMI PERLUKAN **ANDA**



“ KITA SEMUA MEMPUNYAI PERANAN UNTUK  
DIMAINKAN, DAN **ANDA SELAKU PENGEDAR**  
**ANTIMIKROBIAL, BOLEH MEMBANTU** ”

- Kita perlu bersama-sama pastikan penggunaan antimikробial dalam haiwan secara bertanggungjawab dan berhemah untuk mengekalkan kebolehdapatan dan efikasinya serta dengan itu dapat menjamin kesihatan dan kebajikan manusia serta haiwan.

- Menangani rintangan patogen terhadap antimikробial adalah objektif utama Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE). OIE menyokong penggunaan agen antimikробial yang bertanggungjawab dan berhemah melalui Piawaian Antarabangsanya – penting kepada kesihatan dan kebajikan manusia dan haiwan – oleh semua pengamal kesihatan haiwan, termasuk pengedar borong dan runcit.



Untuk maklumat lanjut: [www.oie-antimicrobial.com](http://www.oie-antimicrobial.com)

# Pengedar borong dan runcit: Anda Sentinel



- Oleh kerana anda seorang pengedar drug seperti antibiotik ada tanggungjawab bersama, anda perlu sedar tentang kepentingan memelihara efikasi dan kebolehdapatan antimikробial. Anda perlu sedar betapa pentingnya mengedar hanya antimikробial yang berkualiti tinggi dan sentiasa atas preskripsi veterinar sahaja.
- Penggunaan bertanggungjawab dan berhemah termasuk melaksanakan langkah praktikal dan syor bertujuan bagi meningkatkan

kesihatan dan kebajikan haiwan, dalam masa yang sama mengelak atau mengurangkan seleksi, kemunculan dan penularan rintangan antimikробial.

- Pemasaran dan pengedaran antimikробial terletak ke atas tanggungjawab dan kawalan anda. Kepimpinan dan pengaruh anda adalah menjadi paksi perjuangan ini, maka buktikanlah profesionalisme dan komitmen anda kepada sektor ini.

## Pengedar borong dan runcit haruslah :

- 1 Hanya menggunakan ubat-ubatan dari **sumber yang diluluskan** sahaja.
- 2 Antimikробial veterinar hendaklah diuruskan selaras dengan amalan **penyimpanan dan pengangkutan yang baik**.
- 3 Pastikan pengedaran antimikробial dibuat setelah mempunyai **preskripsi dari doktor veterinar yang sah sahaja** termasuk sekiranya berkenaan penjualan atas talian yang di bawah kawalseliaan kerajaan.
- 4 Pastikan produk **dilabel dengan betul**. Sediakan maklumat yang jelas dan betul mengenai penggunaan produk, tarikh luput dan tempoh penarikan.
- 5 Patuhi kepada **kod pengiklanan** yang selaras dengan prinsip penggunaan yang bertanggungjawab dan berhemah.
- 6 Simpan **rekod dengan terperinci** (pembekal, pemberi preskripsi, pengguna, nama produk, nombor kumpulan, kuantiti, jangka hayat) bagi membolehkan dayajejak.
- 7 Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang kompeten dan **berikan data jualan yang terperinci** bagi pemantauan penggunaan antimikробial.
- 8 Pastikan semua staf **berkelayakan** secukupnya. Libatkan dan sediakan **latihan** mengenai penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan antimikробial yang betul.



Funded by  
UK Government



WORLD ORGANISATION FOR ANIMAL HEALTH  
Protecting animals, preserving our future